


RESEARCH MANAGEMENT CENTRE 	KRITERIA GERAN PENYELIDIKAN UTM COLLABORATIVE RESEARCH GRANT (UTM CRG)	Semakan:
		Tarikh Pindaan: 29 OKTOBER 2023
		Muka surat 1 Daripada 8

BIL	PERKARA	KETERANGAN
1.	Objektif	Geran ini diwujudkan bertujuan: <ol style="list-style-type: none"> 1. Mewujudkan kolaborasi penyelidikan di antara UTM dengan Universiti Awam/ Universiti Swasta/ Agensi Kerajaan/ NGO dalam setiap projek penyelidikan. 2. Untuk membiayai program penyelidikan bersama Universiti Awam/ Universiti Swasta/ Agensi Kerajaan/ NGO yang direka untuk menghasilkan faedah ekonomi dan menyelesaikan masalah. 3. Untuk memupuk kerjasama antara universiti dalam mengenal pasti dan menangani cabaran dan isu - isu utama negara. 4. Memperkuat kerjasama <i>quadruple helix</i> dalam program penyelidikan.
2.	Syarat Permohonan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Staf Akademik MESTILAH bukan staf yang disenarai hitam oleh universiti; 2. Telah menyelesaikan dan menghantar laporan akhir bagi projek yang telah tamat; 3. Ketua Penyelidik warganegara dan bukan warganegara Malaysia bertaraf tetap/kontrak dimestikan mempunyai sekurang-kurangnya seorang (1) penyelidik bersama warganegara Malaysia bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama; 4. Setiap projek mesti terdiri daripada Ketua Penyelidik dan sekurang-kurangnya satu (1) staf akademik UTM daripada bidang penyelidikan yang berkaitan; 5. Staf akademik yang bercuti belajar/ cuti sabatikal / cuti latihan ikhtisas tidak dibenarkan menjadi Ketua Penyelidik tetapi dibenarkan menjadi ahli projek; 6. Seorang staf akademik hanya boleh mengemukakan satu permohonan geran penyelidikan UTM CRG dalam satu masa; 7. Pemohon perlu memuat naik kertas cadangan (<i>proposal</i>) dalam akaun (<i>class</i>) Turnitin yang disediakan dan laporan yang telah dijana perlu dilampirkan dalam sistem RADIS semasa penghantaran permohonan; 8. Permohonan yang tidak lengkap dan dihantar selepas tarikh tamat permohonan adalah ditolak dan tidak akan dipertimbangkan; 9. Penyelidikan hanya boleh dijalankan dalam Malaysia sahaja. 10. Kelulusan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia/Haiwan (jika berkaitan) perlu diperoleh dalam tempoh enam (6) bulan yang pertama selepas geran diaktifkan.
3.	Model Program	<ol style="list-style-type: none"> 1. Model kerjasama ini dicadangkan dengan nama Collaborative Research Grant (UTM CRG) yang akan melibatkan UTM dan juga kolaborasi dengan Universiti Awam/ Universiti Swasta/ Agensi Kerajaan/ NGO. 2. Program penyelidikan akan dijalankan di mana setiap program akan melibatkan empat (4) projek dengan Universiti Awam/ Universiti Swasta/ Agensi Kerajaan/ NGO. 3. Setiap program diketuai oleh seorang Ketua Program (UTM) dan mempunyai empat (4) orang Ketua Projek. 4. Setiap Ketua Program perlulah menjadi salah satu Ketua Projek dalam setiap program. 5. Geran penyelidikan bagi program ini adalah bertujuan bagi menangani cabaran dan isu-isu utama negara. 6. Setiap program akan menyediakan satu (1) <i>concept paper</i> program dan empat (4) proposal projek.


**KRITERIA GERAN PENYELIDIKAN UTM
COLLABORATIVE RESEARCH GRANT
(UTM CRG)**

Semakan:

Tarikh Pindaan: 29 OKTOBER 2023


Muka surat 2 Daripada 8

BIL	PERKARA	KETERANGAN
4.	Syarat Khusus	<ol style="list-style-type: none"> 1. Staf akademik UTM merupakan Ketua Program bagi geran ini. 2. Setiap Ketua Program perlulah menjadi salah satu Ketua Projek dalam setiap program. 3. Ketua Program hendaklah seorang warganegara Malaysia bertaraf tetap/kontrak dan dimestikan mempunyai sekurang-kurangnya seorang (1) penyelidik bersama warganegara Malaysia bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama. 4. Projek 1.1 (rujuk rajah Rangka Program) didaftarkan di dalam Sistem RADIS (https://radis.utm.my) dan diuruskan oleh RMC. Projek 1.2 hingga 1.4 boleh mendaftar di dalam sistem RADIS (mengikut keperluan). 5. Bilangan minimum keahlian dalam projek penyelidikan ini adalah tiga (3) orang staf akademik termasuk Ketua Projek. 6. Ketua Program hanya boleh mengetuai satu projek UTM CRG Sahaja. 7. Program mesti melibatkan kolaborasi di antara UTM dan 3 kolaborator samada dari Universiti Awam /Universiti Swasta/ Agensi Kerajaan/ NGO. 8. Setiap program perlu mengandungi 4 projek yang terdiri: <ol style="list-style-type: none"> i. 1 projek diketuai oleh Penyelidik UTM dan Ketua Program. ii. 3 projek terdiri samada dari Universiti Awam /Universiti Swasta/ Agensi Kerajaan/ NGO 9. Bagi setiap projek yang diketuai oleh rakan kolaborasi perlu ada penyelidik UTM sebagai ahli projek. 10. Semua rakan kolaborasi mesti menyumbang dana berbentuk tunai untuk projek berkenaan. Nilai sumbangan mesti jelas dinyatakan dalam dokumen perjanjian dan disokong oleh bukti penyata kewangan. 11. Dana dari Universiti Awam /Universiti Swasta/ Agensi Kerajaan/ NGO lain tidak perlu masuk ke UTM dan dikekalkan di Universiti Awam /Universiti Swasta/ Agensi Kerajaan/ NGO masing-masing untuk menjalankan penyelidikan. 12. Projek akan bermula selepas MOA ditanda tangani. 13. Sumbangan dalam bentuk in kind adalah TIDAK dibenarkan. 14. Geran penyelidikan bagi program ini mestilah bertujuan bagi menangani cabaran dan isu-isu utama negara.
5.	Kriteria Permohonan	<p>Setiap proposal hendaklah memenuhi salah satu (9) Signature Research UTM:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Biomedical and Healthcare Engineering 2) Natural Product, Biorefinery and Biotechnology 3) Sustainable and Resilient Urbanisation 4) Smart Mobility 5) Next Generation Systems and Networks 6) Smart Living and Sustainable Cities 7) Energy Security 8) Water Security 9) Smart Manufacturing and Materials
6.	Tempoh Penyelidikan	Tempoh pelaksanaan projek adalah selama dua (2) tahun.
7.	Siling Peruntukan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jumlah peruntukan maksima untuk setiap program adalah seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> i. Maksimum RM 30,000 utk projek diketuai UTM; ii. Minimum RM 20,000 untuk tiga (3) projek kolaborasi terdiri samada dari Universiti Awam /Universiti Swasta/Industri/ Agensi Kerajaan/ NGO. 2. Dana UTM tidak disalurkan keluar UTM.


<p>RESEARCH MANAGEMENT CENTRE</p> 	<p>KRITERIA GERAN PENYELIDIKAN UTM COLLABORATIVE RESEARCH GRANT (UTM CRG)</p>	<p>Semakan:</p> <p>Tarikh Pindaan: 29 OKTOBER 2023</p> <p>Muka surat 3 Daripada 8</p>
<p>6.</p>	<p>Peraturan Kewangan</p>	<p>Perbelanjaan projek yang terlibat/berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan. setiap penyelidik perlu mematuhi prosedur semasa perolehan universiti bagi setiap perbelanjaan seperti berikut:</p> <p>V11000 (upah/gaji/elaun)</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Elaun pembantu penyelidik – SLPP GRA* ● Kadar elaun: <ul style="list-style-type: none"> Master : RM 1,800 - RM 2,000 PhD : RM 2,300 - RM 2,500 <p>V21000 (perjalanan & pengangkutan)</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan, pengangkutan domestik dan sara hidup yang berkaitan dengan projek dalam satu tempoh yang tertentu semasa menjalankan kajian/kerja lapangan. ● Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan, pengangkutan dan sara hidup mestilah tidak melebihi 20% daripada jumlah keseluruhan projek. ● Perjalanan ke luar negara dibenarkan hanya sekali sahaja tertakluk kepada kecukupan geran yang telah dipohon. Hanya Ketua Penyelidik dan penyelidik bersama yang dibenarkan bagi tujuan tersebut. Pembantu penyelidik siswazah (GRA) hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan mereka di dalam negara sahaja menggunakan peruntukan geran ini. ● Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan adalah bagi menghadiri persidangan untuk membentangkan kertas kerja penuh secara lisan yang akan menerbitkan artikel penuh terindeks SCOPUS atau WoS sahaja. <p>V24000 (sewaan / perhubungan dan utiliti)</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan, penggunaan komputer dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan. <p>V27000 (bekalan & bahan penyelidikan)</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan. <p>V28000 (penyelenggaraan dan ubah suai)</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan. ● Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh geran ini.

RESEARCH MANAGEMENT CENTRE 	KRITERIA GERAN PENYELIDIKAN UTM COLLABORATIVE RESEARCH GRANT (UTM CRG)	Semakan:
		Tarikh Pindaan: 29 OKTOBER 2023
		Muka surat 4 Daripada 8

BIL	PERKARA	KETERANGAN
		<p>V29000 (perkhidmatan ikhtisas)</p> <ul style="list-style-type: none"> Meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk yuran persidangan, percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultansi, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Pembayaran honorarium kepada ketua projek atau penyelidik bersama tidak dibenarkan. Pembentangan secara maya bagi persidangan luar negara terhad kepada seorang GRA sahaja jika terdapat keperluan. <p>V35000(peralatan dan aksesori)</p> <ul style="list-style-type: none"> Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja dibenarkan. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga yang berkaitan Jumlah yang dipohon bagi vot ini tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan projek. <p>Kawalan Peruntukan:</p> <ul style="list-style-type: none"> Tidak dibenarkan membuat pindaan keluar daripada V11000 Tidak dibenarkan membuat pindaan masuk ke dalam V21000 kecuali bagi tujuan pengumpulan data sepertimana Kertas Cadangan Asal bersama justifikasi yang kukuh Semua jenis pembelian melalui pesanan rasmi (PO) perlu dibuat sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tarikh tamat dan tuntutan perlu dilakukan sebelum tarikh tamat tempoh projek penyelidikan. Sebarang pembelian selepas tarikh tamat tempoh projek tidak akan dipertimbangkan.

RESEARCH MANAGEMENT CENTRE 	KRITERIA GERAN PENYELIDIKAN UTM COLLABORATIVE RESEARCH GRANT (UTM CRG)	Semakan:
		Tarikh Pindaan: 29 OKTOBER 2023
		Muka surat 5 Daripada 8


BIL	PERKARA	KETERANGAN
7.	Output Penyelidikan	Output penyelidikan projek adalah: PENERBITAN : <ul style="list-style-type: none"> Satu (1) penerbitan berindeks dalam WoS Q3/Q4 bagi setiap Program. Penghargaan kepada geran penyelidikan UTM CRG, UTM mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan. Format adalah seperti berikut: Universiti Teknologi Malaysia, UTM CRG, serta no rujukan geran/no. <i>cost center</i> Penghargaan bagi setiap penerbitan hanya terhad kepada 2 geran penyelidikan sahaja. GERAN LUAR: <ul style="list-style-type: none"> Setiap Ketua Projek yang berjaya menerima geran UTM CRG adalah WAJIB memohon geran daripada agensi/institusi di luar UTM. Permohonan perlulah melalui proses semakan/penilaian/sokongan di peringkat RMC/RA melainkan tiada keperluan. Setiap rekod permohonan geran luar perlu dimaklumkan kepada pihak Unit Pemantauan RMC/muat naik proposal yang dihantar dalam modul Progress Report di RADIS. Kegagalan berbuat demikian akan memberi kesan kepada penyaluran dana bagi tahun berikutnya.
8.	Proses Permohonan	Permohonan bagi geran penyelidikan UTM CRG mestilah diisi secara atas talian di https://radis.utm.my
9.	Penilaian Proposal	Permohonan akan disemak dan dinilai oleh panel yang dilantik di peringkat Pejabat <i>Research Alliance</i> berdasarkan bidang kepakaran yang bersesuaian dengan <i>niche proposal</i> .
10.	Keputusan	<ul style="list-style-type: none"> Keputusan penilaian dan pemilihan proposal akan diperakukan oleh Jawatankuasa Pengurusan Geran Penyelidikan (JKPGP). Keputusan yang diumumkan adalah MUKTAMAD.

RESEARCH MANAGEMENT CENTRE 	KRITERIA GERAN PENYELIDIKAN UTM COLLABORATIVE RESEARCH GRANT (UTM CRG)	Semakan:
		Tarikh Pindaan: 29 OKTOBER 2023
		Muka surat 6 Daripada 8

BIL	PERKARA	KETERANGAN
11.	Pemantauan Projek	<ul style="list-style-type: none"> ● Pemantauan Geran Penyelidikan UTM CRG dijalankan sebanyak 2 kali setahun iaitu pada bulan Jun dan Disember setiap tahun. ● Setiap projek penyelidikan yang diluluskan diwajibkan menghadiri Bengkel Pemantauan Geran Penyelidikan UTM CRG sekiranya perlu bagi tujuan menilai pencapaian geran yang telah diluluskan. Pemantauan geran penyelidikan ini melihat kepada aspek prestasi projek dan prestasi perbelanjaan. ● Peruntukan geran yang telah diluluskan akan diagihkan mengikut tahun selepas geran penyelidikan di aktifkan ● Pemantauan geran penyelidikan ini melihat kepada aspek seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> (a) Prestasi projek; dan (b) Prestasi kewangan; dan(c) Pencapaian permohonan geran luar ● Berdasarkan hasil pemantauan dan dengan kelulusan JKPGP, projek akan: <ul style="list-style-type: none"> (a) SUSPENDED <ul style="list-style-type: none"> - Jika tidak menghantar laporan kemajuan dalam tempoh yang ditetapkan - Jika tiada permohonan geran luar dalam tempoh 12 bulan pertama (b) TERMINATED <ul style="list-style-type: none"> - Jika tiada aktiviti atau perbelanjaan dibuat dalam tempoh 3 bulan geran AKTIF selepas dua (2) kali peringatan diberikan
12.	Penutupan/ Penamatan Geran	<ul style="list-style-type: none"> ● Ketua Projek bertanggungjawab untuk menutup geran penyelidikan yang telah diluluskan dengan menghantar laporan akhir dalam tempoh tidak melebihi tiga (3) bulan selepas tarikh tamat geran penyelidikan. ● Semua penyelidik perlu menghantar fail <i>Online Claim</i> selepas projek tamat ke Seksyen Kewangan RMC untuk tujuan pengesahan dokumen. ● Aset Penyelidikan yang dibiayai menggunakan geran ini perlu diselia oleh Ketua Projek apabila geran telah tamat. Permohonan Pindah Hak Milik / Pelupusan aset penyelidikan tersebut boleh dimajukan ke Seksyen Kewangan RMC. ● Kegagalan menghantar fail <i>Online Claim</i> dan laporan akhir boleh mengakibatkan projek penyelidikan tidak dapat ditutup dengan sempurna & memberi kesan kepada permohonan dan pendaftaran projek penyelidikan yang akan datang. ● Ketua Projek boleh disenarai hitam sekiranya laporan tersebut tidak dikemukakan selepas dua (2) peringatan dihantar.
13	Perihal kriteria	<ul style="list-style-type: none"> ● Penyediaan kriteria : Pusat Pengurusan Penyelidikan ● Kelulusan kriteria : JKPGP 12/2023 pada 29 Oktober 2023











RESEARCH MANAGEMENT CENTRE 	KRITERIA GERAN PENYELIDIKAN UTM COLLABORATIVE RESEARCH GRANT (UTM CRG)	Semakan:
		Tarikh Pindaan: 29 OKTOBER 2023
		Muka surat 7 Daripada 8

Rangka program UTM CRG 2023



Dana UTM akan disalurkan ke ketua projek UTM selepas proses menanda tangani MOA selesai

Carta alir permohonan dan pendaftaran geran UTM CRG

Pegawai Bertanggungjawab	Aliran Kerja	Proses Kerja
		Mula
Ketua Projek		Membuat permohonan geran penyelidikan UTMCRG melalui RADIS
Panel Khas		Menjalankan proses <i>Technical Knockout</i> (TKO)
RA		Mengenalpasti panel pakar bidang
RA		Menganjurkan sesi penilaian <i>concept paper</i>
Panel		Menilai <i>concept paper</i>
Pengarah RMC		Membentangkan keputusan akhir kepada ahli JKPGP
RMC		Mengumumkan keputusan
PT/RM		Memberi khidmat nasihat pendaftaran geran dan mengaktif geran
		Tamat